

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut

NO. SEBUT HARGA : JPSWPKL(SH)/PLSK/37/2022
TAJUK PROJEK : KERJA-KERJA MENGECAT SEMULA PAIP 86 INCI DI DALAM TEROWONG DENGAN CAT EPOXY ANTI RUST DI EMPANGAN BATU SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN.

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebut Harga ini hendaklah berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah bidang berikut :

Gred	Kategori	Pengkhususan
G1	CE	CE21 - PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM
	B	B14 - KERJA-KERJA CAT

3. Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** mulai dari **23 Mei 2022 (Isnin)** hingga **30 Mei 2022 (Isnin)**.
4. Dokumen sebut harga kerja hanya akan dikeluarkan kepada **PENAMA** kontraktor atau wakil (surat wakil kuasa perlu disertakan) yang sah sahaja bagi menghadiri taklimat tapak. Untuk maksud ini, kontraktor / wakil perlu membawa sijil pendaftaran **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang di dikeluarkan oleh CIDB.
5. Kontraktor yang ingin memasuki sebut harga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan **Kiriman Wang Pos (money order) sahaja** berharga **RM20.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Ringgit Sahaja)** yang dibuat atas nama **Akauntan Negara Malaysia - KASA - T** sebagai bayaran dokumen sebut harga.
6. Sebut harga ini akan dijual pada **23 Mei 2022 (Isnin)** hingga **30 Mei 2022 (Isnin)** sebelum jam **12.00 tengahari**.
7. Hanya kontraktor yang berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan memenuhi kelayakan pengkhususan di atas sahaja boleh menyertai sebut harga ini.
8. Tiada lawatan tapak diadakan. Namun kontraktor digalakkan untuk membuat lawatan secara sendiri dan berasingan. Kontraktor **DIGALAKKAN** menghadiri taklimat sebutharga. Taklimat akan diadakan di **Bilik Taklimat Empangan Batu** pada **20 Mei 2022 (Jumaat)** pada jam **9.30 pagi**. Hanya PENAMA syarikat di dalam sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dibenarkan untuk menghadiri taklimat tersebut. Sehubungan dengan itu, kontraktor diminta untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dan KKM.
9. Sebut harga ini akan ditutup pada **30 Mei 2022 (Isnin)**. Dokumen sebut harga hendaklah diisikan dengan lengkap dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan dituliskan nombor sebut harga di sebelah atas kiri sampul tersebut serta dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Aras Bawah, Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada hari tersebut.
10. Penyebut harga **boleh menghantar Dokumen sebut harga menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier** menggunakan alamat seperti di atas. Jika sebut harga ini dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan seperti di atas **sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lambatnya pada pukul 12.00 tengahari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

PERHATIAN : 1. Kontraktor hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah Pencegahan Covid-19 dan Penjarakan Fizikal Oleh KKM dan MKN semasa pembelian dan penghantaran dokumen sebut harga ke JPSWPKL.

HAI ZUL BIN MOHAMMAD
Pejabat Operasi
Nama: Pejabat Lembangan Sungai Klang
Jawatan: Jabatan Pengairan dan Saliran
Tarikh: 17.5.2022